

RABU
24 04
2019

BH SKOR

bhskor@bh.com.my

S 4 - 7 MATEMATIK
Ujian Matematik (Kertas 1)



**MEMBIMBING
KE ARAH
KEMAHIRAN
BERFIKIR
ARAS TINGGI
(KBAT)**

TEROKA BAHASA

➔ Mampu tingkatkan peluang kerjaya, mudah berkomunikasi dengan banyak pihak

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Di sekolah, kebanyakan guru menekankan mengenai kepentingan pelajar untuk

menguasai sesuatu bahasa bagi memberi kemudahan kepada mereka pada masa depan.

Penguasaan itu bukan sahaja mampu mendorong pelajar mencatatkan prestasi baik dalam mata pelajaran bahasa berkenaan, tetapi juga meluaskan sumber bahan bacaan, sekali gus meningkatkan ilmu pengetahuan.

Sebagai contoh, bagi menguasai bahasa Inggeris dengan berkesan, pelajar perlu berkebolehan dalam bertutur, menulis dan pemahaman seperti ditegaskan Ketua Panitia Bahasa Inggeris Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Besi, Encik Hussein Islam Abdullah.

S2

Layari www.FullAMark.com.my untuk melanggan bagi mendapatkan lebih banyak **soalan SPM**

Matematik (Kertas 1)

Kertas 1

[Masa: Satu jam lima belas minit]

- Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
- Jawab **SEMUA** soalan.
- Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukiskan mengikut skala kecuali dinyatakan.
- Anda dibenarkan menggunakan buku sifir matematik empat angka dan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.

RUMUS MATEMATIK

The following formulae may be helpful in answering the questions. The symbols given are the ones commonly used. Rumus-rumus berikut boleh membantu anda menjawab soalan. Simbol-simbol yang diberi adalah yang biasa digunakan.

PERKAITAN

- $a^m \times a^n = a^{m+n}$
- $a^m \div a^n = a^{m-n}$
- $(a^m)^n = a^{mn}$
- $A^{-1} = \frac{1}{ad-bc} \begin{pmatrix} d & -b \\ -c & a \end{pmatrix}$
- $P(A) = \frac{n(A)}{n(S)}$
- $P(A') = 1 - P(A)$
- Jarak = $\sqrt{(x_2 - x_1)^2 + (y_2 - y_1)^2}$
- Titik tengah, $(x, y) = \left(\frac{x_1 + x_2}{2}, \frac{y_1 + y_2}{2} \right)$
- Purata laju = $\frac{\text{jarak yang dilalui}}{\text{masa yang diambil}}$
- $\text{Min} = \frac{\text{hasil tambah nilai data}}{\text{bilangan data}}$
- $\text{Min} = \frac{\text{hasil tambah (nilai titik tengah selang kelas} \times \text{kekerapan)}}{\text{hasil tambah kekerapan}}$

BENTUK DAN RUANG

- Luas trapezium = $\frac{1}{2} \times$ hasil tambah dua sisi selari \times tinggi
- Lilitan bulatan = $\pi d = 2\pi r$
- Luas bulatan = πr^2
- Luas permukaan melengkung silinder = $2\pi r l$
- Luas permukaan sfera = $4\pi r^2$
- Isi padu prisma tegak = luas keratan rentas \times panjang
- Isi padu silinder = $\pi r^2 h$
- Isi padu kon = $\frac{1}{3} \pi r^2 h$
- Isi padu sfera = $\frac{4}{3} \pi r^3$
- Isi padu piramid tegak = $\frac{1}{3} \times$ luas tapak \times tinggi
- Hasil tambah sudut pedalaman poligon = $(n - 2) \times 180^\circ$
- $\frac{\text{panjang lengkok}}{\text{lilitan bulatan}} = \frac{\text{sudut pusat}}{360^\circ}$
- $\frac{\text{luas sektor}}{\text{luas bulatan}} = \frac{\text{sudut pusat}}{360^\circ}$
- Faktor skala, $k = \frac{PA'}{PA}$
- Luas imej = $k^2 \times$ luas objek

Answer all question.
Jawab semua soalan.

- Round off 55 550 correct to three significant figures. Bundarkan 55 550 betul kepada tiga angka bererti.
A 55 400
B 55 500
C 55 600
D 55 700
- The volume of a particle is 0.00001001 mm³. Express the volume of the particle in standard form. Isi padu suatu zarah ialah 0.00001001 mm³. Ungkapkan isi padu zarah itu dalam bentuk piawai.
A 1.001 $\times 10^{-6}$ mm³
B 1.001 $\times 10^{-5}$ mm³
C 1.001 $\times 10^5$ mm³
D 1.001 $\times 10^6$ mm³
- $0.004 \times 20 \times 10^{-3} =$
A 8×10^{-6}
B 8×10^{-7}
C 8×10^{-8}
D 8×10^{-9}
- Calculate $(48 + 6.95) \div 8$ and round off the answer correct to three significant figures. Hitung $(48 + 6.95) \div 8$ dan bundarkan jawapan betul kepada tiga angka bererti.
A 6.86
B 6.87
C 439
D 440
- $110_2 + 1100_2 =$
A 10000₂
B 10010₂
C 11000₂
D 11110₂
- The value of the digit 6 in the number 6275₈ is 6×8^m . The value of m is. Nilai bagi digit 6 dalam nombor 6275₈ ialah 6×8^m . Nilai bagi m ialah
A 1
B 2
C 3
D 4
- In Diagram 1, PQRST is a regular pentagon and SUVWXYZ is a regular hexagon. Dalam Rajah 1, PQRST ialah sebuah pentagon sekata dan SUVWXYZ ialah heksagon sekata.




Diagram 1 / Rajah 1

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2019

Find the value of x .

- Cari nilai x .
- 18
 - 33
 - 48
 - 60

- In Diagram 2, PQR is a tangent to the circle QSTW. Dalam Rajah 2, PQR ialah tangen kepada bulatan QSTW.




Diagram 2 / Rajah 2

Find the value of x .

- Cari nilai x .
- 68
 - 62
 - 60
 - 58

- Diagram 3 shows two triangles, P and Q, drawn on square grids. Rajah 3 menunjukkan dua segi tiga, P dan Q, dilukis pada grid segi empat sama.




Diagram 3 / Rajah 3

Given Q is the image of P under a rotation. Which of the point A, B, C and D, is the image of point M under the same rotation?

Diberi Q ialah imej bagi P di bawah satu putaran. Antara titik A, B, C dan D, yang manakah imej bagi titik M di bawah putaran yang sama?

• Dari muka 4

- 10 In Diagram 4, M' is the image of M under a specific translation. P' is the image of point P under the same translation.

Dalam Rajah 4, M' ialah imej bagi M di bawah suatu translasi tertentu. P' ialah imej bagi titik P di bawah translasi yang sama.




Diagram 4 / Rajah 4

The coordinate of P is
Koordinat titik P ialah

- A (1, 3)
B (2, 3)
C (0, 4)
D (-1, 2)
- 11 Diagram 5 shows the graph of $y = ax^n - 8$. Which of the following are the values of a and n ?
Rajah 5 menunjukkan graf bagi suatu fungsi $y = ax^n - 8$. Antara yang berikut, yang manakah nilai-nilai bagi a dan n ?




Diagram 5 / Rajah 5

- A $a = -1, n = 2$
B $a = 1, n = 2$
C $a = -1, n = 3$
D $a = 1, n = 3$
- 12 Diagram 6 shows the graph of $y = \cos x$.
Rajah 6 menunjukkan graf $y = \cos x$.




Diagram 6 / Rajah 6

The value of p is

- Nilai p ialah
A 90°
B 180°
C 270°
D 360°

- 13 In Diagram 7, QRS is a straight line.
Dalam Rajah 7, QRS ialah garis lurus.




Diagram 7 / Rajah 7

$\sin \angle PRQ =$

- A $\frac{5}{7}$
B $\frac{1}{2}$
C $\frac{1}{2}$
D $\frac{5}{7}$

- 14 Diagram 8 shows a pyramid with rectangular plane $ABCD$ is vertical and triangular plane ABP is horizontal.
Rajah 8 menunjukkan sebuah piramid dengan satah segi empat tepat $ABCD$ mencancang dan satah segi tiga ABP mengufuk.




Diagram 8 / Rajah 8

Name the angle between the line PC and the plane $ABCD$.
Namakan sudut di antara garis PC dengan satah $ABCD$.

- A $\angle CPB$
B $\angle CPA$
C $\angle PCD$
D $\angle PCA$

- 15 A car moves 58 km due south from P and then 74 km due west to Q . Find the bearing of Q from P . Give the answer to the nearest degree.

Sebuah kereta bergerak 58 km arah ke selatan dari P dan kemudian 74 km arah ke barat ke Q . Cari bearing Q dari P . Beri jawapan dalam darjah yang terdekat.

- A 052°
B 128°
C 232°
D 308°

- 16 In Diagram 9, OP and MN are two vertical poles on a horizontal ground.

Dalam Rajah 9, OP dan MN ialah dua batang tiang tegak yang terletak pada tanah mengufuk.




Diagram 9 / Rajah 9

Calculate the depression angle of vertex N from vertex P .
Hitung sudut tunduk puncak N dari puncak P .

- A $22^\circ 37'$
B 22.37°
C $67^\circ 23'$
D 67.23°

- 17 Given that $m - n = 7$ and $m^2 - n^2 = 28$, find the value of $m + n$.

Diberi $m - n = 7$ dan $m^2 - n^2 = 28$, cari nilai $m + n$.

- A 4
B 7
C 21
D 25

- 18 A box contains some golf balls, 40 of them are white and the rest are yellow.

A golf ball is chosen at random from the box. The

probability of choosing a yellow golf ball is $\frac{5}{7}$. Find the number of golf balls in the box.

Sebuah kotak mengandungi beberapa biji bola golf. 40 biji daripadanya berwarna putih dan selebihnya berwarna kuning. Sebiji bola golf dipilih secara rawak daripada kotak itu. Kebarangkalian bahawa sebiji bola golf berwarna

kuning dipilih ialah $\frac{5}{7}$. Cari bilangan bola golf di dalam kotak tersebut.

- A 56
B 100
C 112
D 140

Matematik (Kertas 1)

• Dari muka 5

19 Express $\frac{3e-f}{ef} - \frac{9-f}{3f}$ as a single fraction in its simplest form.

Ungkapkan $\frac{3e-f}{ef} - \frac{9-f}{3f}$ sebagai satu pecahan tunggal dalam bentuk termudah.

- A $\frac{1-3f}{3}$
- B $\frac{e-3f}{3e}$
- C $\frac{e-3}{3e}$
- D $\frac{ef-3}{3e}$

20 $7x^2 - (3x-1)(5+x) =$

- A $4x^2 - 10x + 5$
- B $4x^2 - 14x + 5$
- C $4x^2 - 16x - 5$
- D $10x^2 + 14x - 5$

21 Y and Z are two points on the equator and O is the centre of the Earth. Z lies due west of Y. The longitude of Y is $53^\circ E$ and $\angle YOZ = 132^\circ$. Find the longitude of Z.

Y dan Z ialah dua titik yang terletak pada Khatulistiwa dan O ialah pusat Bumi. Z terletak ke barat Y. Longitud bagi Y ialah $53^\circ T$ dan $\angle YOZ = 132^\circ$. Cari longitud bagi Z.

- A $79^\circ E / T$
- B $79^\circ W / B$
- C $5^\circ E / T$
- D $5^\circ W / B$

22 Diagram 10 shows a rectangle. Given the perimeter of the rectangle is P cm.

Rajah 10 menunjukkan sebuah segi empat tepat. Diberi perimeter segi empat tepat itu ialah P cm.




Diagram 10 / Rajah 10

Write the equation for the width (y) in terms of the length (2x) and the perimeter (P).

Tulis persamaan bagi lebar (y) dalam sebutan panjang (2x) dan perimeter (P).

- A $y = \frac{P-2x}{2}$
- B $y = \frac{P-4x}{2}$
- C $y = P-2xy$
- D $y = P-4xy$

23 Given that $m+n=2$ and $m^2+n^2=6$, find the value of mn.

- A -2
- B -1
- C 1
- D 3

24 Given that $\frac{3x-6}{3} = \frac{4x-2}{6}$ find the value of x.

Diberi $\frac{3x-6}{3} = \frac{4x-2}{6}$, cari nilai x.

- A 3
- B 4
- C 5
- D 6

25 Find all the integer values of x that satisfy the inequality $6x-8 \leq 34 \leq 9x-2$.

Cari semua integer x yang memuaskan ketaksamaan $6x-8 \leq 34 \leq 9x-2$.

- A 4, 5, 6, 7
- B 5, 6, 7
- C 4, 5, 6
- D 5, 6

26 Which of the following is a solution of $3x-2 = \frac{5}{x}$?

Antara yang berikut, yang manakah ialah satu penyelesaian bagi $3x-2 = \frac{5}{x}$?

- A $\frac{3}{5}$
- B 1
- C $\frac{5}{3}$
- D 2

27 Table 1 shows the distribution of scores of a group of students in a quiz.

Jadual 1 menunjukkan taburan skor bagi sekumpulan pelajar dalam suatu kuiz.

Score Skor	1	2	3	4	5	6
Frequency Kekerapan	4	6	3	2	8	7

Table 1 / Jadual 1

The median score is
Skor median ialah

- A 4
- B 4.5
- C 5
- D 5.5

28 Pictograph in Table 2 shows the sales of cars in a company for 3 months.

Piktograf dalam Jadual 2 menunjukkan jualan kereta bagi sebuah syarikat untuk 3 bulan tertentu.

January Januari	
February Februari	
March Mac	

Represent 10 cars
Mewakili 10 buah kereta

Table 2 / Jadual 2


The total sales in February is not shown. The sales of the cars in February is 60% less than the sales in January.
Jumlah jualan pada bulan Februari tidak ditunjukkan. Jualan kereta pada bulan Februari adalah 60% kurang berbanding jualan pada bulan Januari.

If the information of the above pictograph is represented by a pie chart, calculate the angle of sector that represents the total sales of cars in February.

Jika maklumat dalam piktograf di atas diwakili oleh sebuah carta pai, kira sudut sektor yang mewakili jumlah kereta yang dijual pada bulan Februari.

- A 72°
- B 50°
- C 36°
- D 25°

29 Which of the following graphs represents $y = -x^3 + 1$?
Antara graf yang berikut, yang manakah mewakili graf bagi $y = -x^3 + 1$?



30 Diagram 11 is a Venn diagram showing the elements of set P, set Q and set R. Given the universal set is $\xi P \cup Q \cup R$.
Rajah 11 ialah gambar rajah Venn yang menunjukkan unsur bagi set P, set Q dan set R. Diberi set semesta, $\xi P \cup Q \cup R$.




Diagram 11 / Rajah 11

The list of elements of set $(P \cup Q) \cap R'$ is
Senarai unsur bagi set $(P \cup Q) \cap R'$ ialah

- A {1, 2, 4, 6}
- B {1, 2, 3, 4, 6}
- C {3, 4, 6}
- D {3, 4, 5, 6}

• Dari muka 6

31 There are 2 200 students in a school. 15% of the student joined in club P, 30% joined in club Q and 20% registered in club R. From the total, 10% joined in clubs P and Q, 9% joined in club Q and R and 7% joined in clubs P and R, 4% of the students joined in all three club. Find the number of students joined in club Q only.

Terdapat 2 200 orang pelajar dalam sebuah sekolah. 15% pelajar menyertai kelab P, 30% menyertai kelab Q dan 20% menyertai kelab R. Daripada jumlah itu, 10% menyertai kelab P dan Q, 9% menyertai kelab Q dan R dan 7% menyertai kelab P dan R, 4% pelajar menyertai ketiga-tiga kelab itu. Cari bilangan pelajar yang menyertai kelab Q sahaja.

- A 330
- B 352
- C 418
- D 660

32 Given the universal set $\xi = \{x : 10 \leq x \leq 33, x \text{ is integer}\}$, set $S = \{11, 15, 17, 23, 33\}$, set $T = \{x : x \text{ is number with digit } 3\}$ and set $V = \{x : x \text{ is number of the same digit}\}$

Diberi bahawa set semesta = $\{x : 10 \leq x \leq 33, x \text{ ialah integer}\}$, set $S = \{11, 15, 17, 23, 33\}$, set $T = \{x : x \text{ ialah nombor yang mempunyai digit } 3\}$ dan set $V = \{x : x \text{ ialah nombor yang mempunyai digit sama}\}$.

The elements of set $T \cap (S \cup V)$ are
Unsur-unsur bagi set $T \cap (S \cup V)$ ialah

- A {33}
- B {23, 33}
- C {15, 17, 22}
- D {11, 15, 17, 22}

33 Point $K(6, 3h)$ lies on the straight line $7x - 2y = 72$. Find the value of h .

Titik $K(6, 3h)$ berada pada garis lurus $7x - 2y = 72$. Cari nilai h .

- A -5
- B -3
- C 2
- D 3

34 In Diagram 12, FG is a straight line on a Cartesian plane.

The gradient of the straight line PQ is $\frac{3}{2}$.

Dalam Rajah 12, FG ialah garis lurus pada suatu satah Cartes.

Kecerunan garis lurus PQ ialah $\frac{3}{2}$.




Diagram 12 / Rajah 12

Find the x -intercept of PQ .

Cari pintasan- x bagi PQ .

- A 2
- B 4
- C 9
- D 12

35 A box contains 36 books. There are 4 Mathematics books and a number of History and Science books. The

probability that a Science book is chosen is $\frac{2}{3}$. Find the

probability that a History book is chosen.

Sebuah kotak mengandungi 36 buah buku. Terdapat 4 buah buku Matematik dan beberapa buah buku Sejarah dan Sains. Kebarangkalian sebuah buku Sains dipilih

ialah $\frac{2}{3}$. Cari kebarangkalian sebuah buku Sejarah dipilih.

A $\frac{2}{9}$

B $\frac{1}{3}$

C $\frac{2}{3}$

D $\frac{7}{9}$

36 There are 280 applicants who passed the interview for the posts of teacher's assistant, teacher and clerk where 70 of the applicants were appointed as teachers. The probability

of choosing a clerk from the group is $\frac{1}{7}$. Calculate the

number of teacher assistants.

Seramai 280 pemohon telah lulus dalam temu duga bagi jawatan pembantu guru, guru dan kerani, manakala seramai 70 pemohon telah dilantik sebagai guru.

Kebarangkalian memilih seorang kerani dari kumpulan

itu ialah $\frac{1}{7}$. Hitung bilangan pembantu guru.

A 170

B 110

C 70

D 40

37 Table 3 shows some values of the variables x and y . It

is given that $y \propto \frac{1}{\sqrt{x}}$.

Jadual 3 menunjukkan sebahagian nilai pemboleh ubah x dan y .

Diberi bahawa $y \propto \frac{1}{\sqrt{x}}$.

x	4	n
y	3	2

Table 3 / Jadual 3

Calculate the value of n .

Hitung nilai n .

A $\frac{9}{16}$

B $\frac{16}{9}$

C 6

D 9

38 It is given that m varies inversely as the square of n and $m = 3$ when $n = 2$.

Express m in terms of n .

Diberi bahawa m berubah secara songsang dengan kuasa dua n dan $m = 3$ apabila $n = 2$. Ungkapkan m dalam sebutan n .

A $m = \frac{12}{n^2}$

B $m = \frac{18}{n^2}$

C $m = \frac{3}{4}n^2$

D $m = 6n^2$

39 Given $P = \begin{pmatrix} -1 & 2 \\ 3 & 1 \end{pmatrix}$. Find the product of P^2 .

Diberi $P = \begin{pmatrix} -1 & 2 \\ 3 & 1 \end{pmatrix}$. Cari hasil darab bagi P^2 .

A $\begin{pmatrix} -2 & 6 \\ 6 & 3 \end{pmatrix}$

B $\begin{pmatrix} -2 & 4 \\ 6 & 2 \end{pmatrix}$

C $\begin{pmatrix} 7 & 0 \\ 0 & 7 \end{pmatrix}$

D $\begin{pmatrix} 1 & 4 \\ 9 & 1 \end{pmatrix}$

40 Given $\begin{pmatrix} 1 & 5 \\ 2 & 4 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 3 \\ 2 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} m & 4 \\ 0 & 7 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 1 \\ 2 \end{pmatrix}$, find the value of m .

Diberi $\begin{pmatrix} 1 & 5 \\ 2 & 4 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 3 \\ 2 \end{pmatrix} = \begin{pmatrix} m & 4 \\ 0 & 7 \end{pmatrix} \begin{pmatrix} 1 \\ 2 \end{pmatrix}$, cari nilai m .

A 5

B 11

C 14

D 21

Jawapan

BAHASA MELAYU

→ Kertas 1

Oleh Cikgu Zaharah Mohd Yusof

Bahagian A

Pendahuluan

Alam sekitar, alam yang ada di sekitar manusia dan haiwan – pohon, gunung, laut dan lain-lain – penting untuk kehidupan semua makhluk – banyak kawasan alam sekitar telah terjejas – alam sekitar perlu dipelihara kerana banyak kepentingannya.

Isi 1

Memelihara habitat flora dan fauna – hutan yang luas menjadi tempat kehidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan – tempat mencari makan, minum dan berlindung – juga tempat untuk membiak – tanpa hutan, ada spesies yang akan pupus – aktiviti penebangan secara haram perlulah dilarang.

Isi 2

Meningkatkan persekitaran yang bersih – alam sekitar yang bersih menjadikan kehidupan lebih sihat – pelbagai aktiviti dapat dilakukan – jika alam sekitar dicemar oleh pelbagai bahan buangan, kehidupan manusia terjejas – pelbagai penyakit terjadi – alam sekitar yang bersih penting untuk dikekalkan.

Isi 3

Mengembangkan industri pelancongan – alam sekitar yang indah jadi tarikan pelancong – pelancong tertarik dengan keindahan pantai dan laut – ada yang berminat dengan hutan dan gunung – mereka akan tertarik oleh kepelbagaian spesies yang ada – menjanakan ekonomi negara.

Penutup

Alam sekitar perlu dipelihara – kehilangan atau kerosakan yang berlaku merugikan negara – kehidupan manusia juga terjejas – semua pihak bertanggungjawab memelihara alam sekitar.

Bahagian B

Soalan 1

Pendahuluan

Alu-aluan – maksud disiplin – disiplin pemangkin masyarakat yang progresif dan berketerampilan.

Isi 1

Membentuk peribadi yang unggul – melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh – berani menghadapi cabaran – mempunyai hala tuju dalam kehidupan – akan dihormati oleh orang lain – meningkatkan jati diri.

Isi 2

Sentiasa menghargai masa – tidak melakukan perkara-perkara yang meleakakan – sedar akan kepentingan menjaga masa – mempunyai jadual kerja / belajar – membahagikan masa antara bermain, berhibur, beribadah, belajar dan bekerja.

Isi 3

Sikap bertanggungjawab – tidak cuai – bersungguh-sungguh dalam pekerjaan – boleh membantu rakan lain – sentiasa bermotivasi dalam kerja – memberikan imej diri yang baik.

Isi 4

Berintegriti – menjalankan kerja dengan jujur, amanah – takut melakukan kesalahan – akan dipercayai oleh orang lain.

Isi 5

Sabar – sabar dengan ujian yang dihadapi – tidak putus asa – tidak dipengaruhi oleh emosi – sentiasa tenang dan berhati-hati – kunci kejayaan masa depan.

Penutup

Disiplin menjadi teras kecemerlangan – dapat mencapai kejayaan lebih cepat – membahagiakan diri dan juga orang lain – menjadi contoh kepada masyarakat.

Soalan 2

Pendahuluan

Kesihatan menjamin kehidupan lebih baik – penting dalam melaksanakan aktiviti kehidupan – belajar, bermain, bekerja – keluarga perlu memastikan kesihatan anak-anak.

Isi 1

Penjagaan makanan – makan makanan seimbang – pastikan makanan mengandungi karbohidrat, protein, vitamin, mineral, lemak, air dan serat – elakkan makanan segera dan minuman berkarbonat – elakkan selalu makan di luar – tubuh badan lebih sihat.

Isi 2

Galakkan beriadah atau bersenam – galakkan anak-anak aktif bersukan – dapat mengeluarkan peluh – cari masa untuk beriadah bersama-sama – pupuk kemesraan – tingkatkan kesihatan mental dan fizikal.

Isi 3

Galakkan pemeriksaan berkala – penting untuk mengesan penyakit pada peringkat awal – ibu bapa akan mengetahui tahap kesihatan anak-anak.

Isi 4

Melatih anak-anak menjaga kebersihan diri – menjaga kebersihan tubuh badan dengan cara memberus gigi, mandi, rehat dan tidur secukupnya – memakai pakaian bersih – disiplin anak-anak dengan meminta mereka mencuci tangan sebelum dan selepas makan.

Isi 5

Menekankan kehidupan yang positif – kesihatan bukan sahaja tubuh badan tetapi juga mental – galakkan anak sentiasa aktif, tidak terlalu mengongkong – makan bersama-sama, beribadah bersama-sama – wujudkan keluarga yang bahagia.

Penutup

Kesihatan asas kebahagiaan – ibu bapa memainkan peranan utama ketika anak-anak masih kecil – latihan dan didikan akan menjadi kebiasaan kepada anak-anak – masyarakat yang sihat dan aktif akan dapat dihasilkan.

Soalan 3

Pendahuluan

Permainan tradisional ialah permainan masa lapang masyarakat dahulu – gasing, wau, congkak dan lain-lain – permainan ini semakin pupus kerana perkembangan teknologi dan permainan moden – anak-anak hari ini lebih suka bermain permainan dalam talian – lebih menyeronokkan dan bersifat individu – perlu dipopularkan kembali.

Isi 1

Wujudkan persatuan atau kelab di sekolah – fahami pelbagai jenis permainan dan peraturan – wujudkan ruang atau gelanggang untuk bermain – adakan aktiviti mereka cipta – adakan pertandingan dalam kalangan pelajar – pupuk minat dalam kalangan pelajar.

Isi 2

Sediakan sudut pameran – tunjukkan peralatan permainan – sejarah permainan – paparkan cara-cara bermain dan peraturan.

Isi 3

Kempen dan karnival – adakan kempen melalui media – adakan pertandingan tahunan pada peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa – Contoh pertandingan wau, gasing, sepak raga bulatan – dapat menarik minat lebih ramai anak muda.

Isi 4

Sokongan pelbagai pihak – ibu bapa tidak menghalang minat anak-anak – beli set permainan tradisional sebagai hadiah hari lahir – bawa anak-anak menyaksikan permainan dan pertandingan – pejabat belia anjurkan kursus dan pertandingan – pihak swasta boleh menaja hadiah – kerajaan sediakan gelanggang permainan – sokongan pelbagai pihak membantu mengembangkan permainan tradisional.

Isi 5

Jadikan sebagai aktiviti pelancongan – jadikan aktiviti ini sebagai sebahagian program inap desa, perkenalkan permainan tradisional dalam kalangan pelancong oleh anak-anak muda – promosikan di luar negara – jadikan sebagai aktiviti pekerjaan sampingan – masa anak-anak muda tidak terbuang begitu sahaja.

Penutup

Permainan tradisional perlu dipopularkan kembali – semua pihak perlu bekerjasama – perlu diwarisi oleh generasi muda – dapat memupuk sifat kerjasama dan persaingan – membentuk jati diri yang baik.

Soalan 4

Pendahuluan

Sistem pendidikan negara terus berkembang – pelbagai pusat pengajian tinggi terdapat di negara ini – pelbagai kursus ditawarkan – pelajar boleh memilih sama ada ingin memasuki pusat pengajian tinggi awam atau swasta – tidak salah juga untuk belajar di luar negara – belajar di luar negara ada kelebihan yang tertentu.

Dari \$8

Isi 1

Merasai sistem pendidikan yang berbeza – tingkatkan pengetahuan dan pengalaman – ranking universiti tinggi – bahan rujukan yang lebih banyak dan bertepatan dengan kursus – capaian Internet lebih laju – menggunakan bahasa antarabangsa – tingkatkan komunikasi.

Isi 2

Persaingan dan semangat belajar yang tinggi – bertemu dengan pelbagai golongan pelajar dari seluruh dunia – berkongsi pengetahuan – mengetahui cara belajar yang positif.

Isi 3

Melatih diri bersifat terbuka dan berdikari – menerima perbezaan pendapat – melatih diri lebih berani dan yakin – memperoleh kepakaran tertentu – belajar hidup sendiri.

Isi 4

Belajar budaya baharu – lihat cara hidup orang luar – ikut yang baik – fahami peraturan mereka – mengetahui tamadun dan peradaban negara maju – boleh juga memperkenalkan budaya sendiri.

Isi 5

Mengenali kenalan baharu dari pelbagai negara – boleh mempelajari bahasa mereka – berkongsi idea – dapat membantu jika diperlukan – meluaskan rangkaian perniagaan dan peluang pekerjaan.

Penutup

Belajar di luar negara mempunyai kelebihan tertentu – pengetahuan dan pengalaman lebih luas – boleh memantapkan diri – tingkatkan ketahanan diri.

Soalan 5

Cadangan cerita

1	Kisah pelajar yang berpura-pura hadir ke sekolah tetapi melencong ke tempat lain – akhirnya terdedah apabila terlibat dalam kemalangan.
2	Kisah anak muda yang terjebak dalam kes curi motosikal / penyalahgunaan dadah, akhirnya tersilap langkah dan terpaksa merengkok di penjara.
3	Kisah pelajar yang berpura-pura bijak tetapi rupa-rupanya banyak meniru dalam peperiksaan, akhirnya dapat dikesan oleh pihak sekolah.

→ **Kertas 2**

Soalan 1: Rumusan

Pendahuluan

Petikan membincangkan sebab-sebab buli dalam kalangan remaja di negara ini.

Isi-isi tersurat (sebab-sebab buli)

Petikan membincangkan tugas / kepentingan ibu bapa membantu guru dalam mendidik anak-anak dan kesan-kesannya.

Isi-isi tersurat (Kepentingan ibu bapa membantu guru)

- Ibu bapa boleh berhubung dengan pihak sekolah bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh anak-anak.
- Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlu lebih aktif dan berkesan dalam mengatasi pelbagai masalah.
- Ibu bapa boleh melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah.
- Ibu bapa boleh membantu pihak sekolah dari segi memberikan kepakaran yang tertentu.
- Ibu bapa perlu menghantar anak-anak mengikuti pengajian agama sama ada secara formal atau tidak formal.
- Sikap atau perilaku anak-anak juga dapat diasuh jika ibu bapa tidak terlalu memanjakan anak-anak.
- Ibu bapa perlu memberikan didikan yang sedikit tegas tetapi penuh kasih sayang.
- Ibu bapa tidak seharusnya memberikan kebebasan penuh dalam mendidik anak-anak.
- Ibu bapa tidaklah perlu mengongkang kehidupan anak-anak sepenuhnya dalam mendidik mereka.

Isi-isi tersirat (kesan-kesan)

- Anak-anak akan rasa dihargai dan disayangi.
- Anak-anak akan berjaya dalam pembelajaran.
- Tingkatkan hubungan baik antara warga guru dengan ibu bapa.
- Salah faham antara ibu bapa dengan pihak sekolah dapat diselesaikan dengan cara baik.

Penutup

Semua pihak perlu bekerjasama dalam mendidik anak-anak agar mereka memperoleh kejayaan pada masa hadapan.

Soalan 2(a) – Petikan Umum

- Maksud *cukup dominan mengasuh anak-anak* adalah paling utama dalam mendidik anak-anak.
- Perkara-perkara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa di sekolah adalah dengan mengikuti gotong-royong dan hadir mesyuarat yang tertentu. Ibu bapa boleh juga menjadi jurulatih sukan dan pakar motivasi.
- Cara pihak sekolah menggalakkan ibu bapa aktif dalam PIBG adalah dengan mengadakan aktiviti sukan bersama-sama ibu bapa, mewujudkan jawatankuasa kecil seperti jawatankuasa sukan, kebajikan, lawatan dan lain-lain, mengadakan hari terbuka di sekolah, mewujudkan galeri PIBG.

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

- Kota besar itu sudah tiada nilai-nilai tradisinya kerana penuh dengan prasangka dan sikap prejudis warganya yang berbilang bangsa di samping kepelbagaian budaya dan bahasa yang dituturkan. Di samping itu, manusia mementingkan diri sendiri dan sangat taasub.
- Cara-cara menjaga perasaan orang tua adalah dengan menghormati pengalaman mereka, mentaati kata-kata mereka, bersabar dengan kerenah mereka dan melaksanakan apa-apa yang diminta oleh mereka.
- Satu persoalan dalam petikan ialah persoalan mengenai sikap masyarakat yang mementingkan diri sendiri di kota. Di kota, masyarakatnya selalu berprasangka buruk dan bersikap prejudis terhadap bangsa lain. Persoalan daripada keseluruhan cerpen adalah kepentingan menjaga agama dan bangsa. Ibu bapa peseran kepada Mel agar sentiasa menjaga agama dan bangsa ketika berada di bandar.

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

- Maksud *senantiasa beringgit* ialah selalu bertengkar / bergaduh.
- Sultan Muzaffar Syah berasa sedih / kecewa melihat permusuhan antara Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja. Sultan berpendapat bahawa permusuhan itu akan memusnahkan negeri kerana tiada muafakat antara pembesar negeri.
- Langkah-langkah yang dapat dilakukan untuk memupuk permuafakatan dalam organisasi ialah saling memahami tugas masing-masing, bekerjasama dan bertolak ansur, tidak mementingkan diri sendiri dan hormat-menghormati.

Soalan 2(d) – Petikan Puisi

- Keluhan seorang tua dalam sajak di atas berasa sunyi dan tertanya-tanya orang yang akan menziarahinya.
- Setuju – penjagaan orang tua lebih terjamin, berjumpa dengan kawan yang seusia, boleh beramal dengan selesa
Tidak setuju – Anak perlu menghargai jasa ibu bapa, kasih sayang dalam keluarga lebih penting, dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak baik.
- Dua pengajaran yang terdapat ialah anak perlu menjaga / menghargai orang tua dengan penuh kasih sayang. Pengajaran seterusnya, kita mestilah bersabar dengan setiap ujian yang menimpa diri kita agar menjadikan diri kita lebih tabah.

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

3 (a) Membina ayat

- dikenal pasti – Penjenayah yang merompak stesen minyak itu sudah dikenal pasti melalui televisyen litar tertutup (CCTV).
- bersatu padu – Negara Malaysia akan aman dan makmur jika rakyatnya bersatu padu.
- nasi minyak – Nasi minyak menjadi satu daripada menu hidangan dalam majlis perkahwinan orang Melayu.
- berkuat kuasa – Larangan merokok di tempat-tempat awam berkuat kuasa bermula pada awal tahun ini.
- urus setia – Pihak urus setia program itu terpaksa menanggungkan beberapa acara kerana hujan lebat.
- batu kapur – Kebanyakan gua di negara ini terdiri daripada binaan batu kapur.

Jawapan

Dari 59

3 (b) Gabungkan ayat menjadi tiga ayat majmuk

Jerebu merupakan satu bencana kepada manusia dan kepada makhluk yang lain yang disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama jerebu disebabkan oleh sikap manusia sendiri yang suka mengambil jalan mudah dengan membakar sisa-sisa pertanian. Jerebu menyebabkan kehidupan penduduk terjejas kerana sebilangan penduduk mengalami masalah kesihatan dan juga menghadapi masalah untuk keluar bekerja.

3 (c) Satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan dari segi imbuhan.

- | | |
|-------------------------|----------------------|
